

EDISI DISEMBER 2025

E – BULETIN

ZAKAT MELAKA



MENUJU AKHIR TAHUN, MASIH ADAKAH YANG TERTANGGUH?

MS.04



- KUNJUNGAN HORMAT
- PELUNASAN ZAKAT
- KAUNTER ZAKAT





02 Disember 2025

YAB. Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, Ketua Menteri Melaka mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Zakat Melaka (ZM) pada pagi ini bersama Ahli-Ahli Lembaga Pengarah yang turut hadir.

02 Disember 2025

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil. 5/2025. Mesyuarat ini memberi tumpuan utama kepada Cadangan Penetapan Kadar Zakat Fitrah Negeri Melaka bagi Tahun 1447H/2026M, melibatkan sesi pembentangan, perbincangan serta penelitian berdasarkan keperluan semasa masyarakat Islam di Negeri Melaka.



11 Disember 2025

Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan oleh agensi-agensi korporat telah diadakan bersama Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka serta diiringi oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf Bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka.



12 Disember 2025

Majlis Penyampaian Sijil kepada para pemenang Pertandingan Cipta Foto Kreatif Bertemakan "Cakna Zakat: Sebuah Kisah Dalam Sekeping Foto" telah diadakan sebagai tanda penghargaan atas kreativiti dan komitmen para peserta.



Ms. 01



Bayaran Zakat Perniagaan Oleh Vileea Port Dickson Sdn Bhd bersama Timb. KPE Encik Zuhri Iskandar Bin A. Rahman

Temujanji Bayaran Zakat Perniagaan di Ahmad Taufufa, Melaka

Temujanji Bayaran Zakat Perniagaan & Pendapatan bersama En Ariffin bin Yahya dari Global Electromech(M) Sdn Bhd.



Temujanji Zakat Perniagaan di Farmasi Alang, Masjid Tanah

Permohonan potongan gaji baharu dan tambahan para guru dan staf di di Sek Keb. Lesung Batu.

Taklimat Zakat di Universiti Geomatika Malaysia



Temujanji bersama En Kamil bin Hassan dari Shaamelina ID Enterprise

Permohonan potongan gaji baharu dan tambahan oleh para staf dan guru di Sekolah Kebangsaan Batu Berendam 2.

Permohonan potongan Zakat Pendapatan baharu dan tambahan oleh para staf dan guru di Sekolah Kebangsaan Sungai Udang.



Taklimat Zakat Harta bersama pekerja KWSP Cawangan Jasin.



Temujanji bersama pemilik Pondok Santapan



Taklimat Zakat Harta bersama warga Qaizer Group Consultancy



Kaunter zakat di Taman Rekreasi Bukit Beringin, Masjid Tanah sempena Karnival Masjid Tanah.



Temujanji terimaan bayaran Zakat Perniagaan En. Ezalee bin Mokhtar, pemilik Emsi Falah Enterprise (Petronas Bukit Katil)



Kaunter Perkhidmatan Zakat di Perodua Bachang



Temujanji bayaran Zakat Simpanan & Perniagaan keluarga Tn. Hj. Zulkifly bin Hj. Jantan



Kaunter Perkhidmatan Zakat di Oriental Melaka Straits Medical Centre.



Penyerahan Zakat Perniagaan Pertubuhan Peladang Kawasan Jasin

NIKMATI *Rebat Cukai*
100%
TUNAikan ZAKAT SEBELUM
31 DISEMBER 2025 Demi Manfaat Para Asnaf

Zakat Melaka
zakat.melaka

MENUJU AKHIR TAHUN, MASIH ADAKAH YANG TERTANGGUH?

Setiap hujung tahun, kita sering sibuk menutup pelbagai urusan; menyiapkan tugas kerja, menyusun kewangan keluarga, merancang percutian dan membuat azam baharu. Namun, dalam kesibukan itu, ada satu amanah besar yang sering tertangguh tanpa kita sedar iaitu Zakat.

Zakat bukan sekadar kewajipan tahunan, tetapi satu ibadah yang menyucikan dan menenangkan jiwa. Harta yang diperolehi sepanjang tahun bukan sepenuhnya milik mutlak manusia. Akan tetapi ada hak yang perlu ditunaikan, ada amanah yang menunggu untuk disempurnakan. Allah SWT mengingatkan kita di dalam firman-Nya: "Ambillah zakat daripada sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka." (Surah At-Taubah: 103). Ayat ini jelas menunjukkan bahawa zakat bukan hanya memberi manfaat kepada penerima, malah membersihkan hati dan harta orang yang menunaikannya.

Namun realitinya, ada dalam kalangan kita yang mungkin masih mempunyai zakat tertangguh, sama ada Zakat Pendapatan, Zakat Perniagaan, Zakat Wang Simpanan dan lain-lain zakat. Ada yang tertangguh kerana kesibukan, ada juga yang menangguh tanpa sedar bahawa tempoh haul telah pun mencukupi. Rasulullah SAW mengingatkan bahawa menangguhkan kewajipan tanpa keperluan adalah satu kerugian. Zakat yang tertangguh bukan sekadar angka di atas kertas, tetapi amanah yang masih belum diselesaikan.

Menjelang 31 Disember 2025, inilah masa terbaik untuk kita bermuhasabah dan menyemak semula tanggungjawab zakat. Lunaskan apa yang tertangguh, agar kita dapat melangkah ke tahun baharu dengan hati yang lebih tenang dan harta yang lebih berkat. Lebih indah, zakat yang dikeluarkan sebelum akhir tahun juga memberi kelebihan dari sudut perancangan kewangan, termasuk manfaat rebat cukai 100% kepada pembayar zakat yang layak. Namun lebih besar daripada itu ialah ganjaran di sisi Allah SWT iaitu ganjaran bagi mereka yang menyegerakan kebaikan dan tidak menangguhkan amanah. Allah SWT berfirman lagi: "Dan belanjakanlah (hartamu) di jalan Allah SWT, dan janganlah kamu mencampakkan dirimu ke dalam kebinasaan." (Surah Al-Baqarah: 195)

TUNAI ZAKAT
Sebelum
31 DISEMBER!

NIKMATI
100%
REBAT CUKAI PENDAPATAN

ZAKAT MELAKA
Saman (Zakat Yearly Sum)

LAYARI
www.izakat.com

Bayaran Zakat

QR code for Zakat Melaka payment.

Zakat bukan harta yang berkurang, sebaliknya ia adalah pelaburan akhirat yang tidak pernah rugi. Setiap sen yang dizakatkan menjadi sebab turunnya keberkatan, dibukanya pintu rezeki, dan terpeliharanya harta daripada perkara yang tidak diinginkan. Maka, sebelum tirai tahun 2025 dilabuhkan, marilah kita mengambil sedikit masa untuk bertanya pada diri sendiri - 'Adakah zakat saya telah sempurna? Atau masih ada yang tertangguh? Sekiranya ada, inilah masanya untuk mengeluarkannya. Jangan biarkan amanah zakat tertinggal bersama lembar tahun yang berlalu. Mudah-mudahan setiap zakat yang ditunaikan menjadi saksi ketaatan dan pemberat timbangan kebaikan di akhirat kelak.

Justeru, Zakat Melaka sentiasa bersedia membantu umat Islam memahami dan menunaikan kewajipan ini dengan mudah, cepat dan yakin. Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

E - BULETIN

ZAKAT MELAKA




**Di Meja Ini,
Ada *Harapan***

Daripada zakat anda, lahir sebuah senyuman.

Imbas Untuk Membuat Pembayaran

Zakat Melaka zakat.melaka



**Dah Rancang Cuti?
Zakat Dah Selesai?**

Tunaikan zakat sebelum hujung tahun.

Imbas Untuk Membuat Pembayaran

Zakat Melaka zakat.melaka



**TUNAIKAN ZAKAT
ANDA HARI INI**

Bantu Mereka Yang Memerlukan.

Imbas Untuk Membuat Pembayaran

Zakat Melaka zakat.melaka



**DUA MINIT SETTLE.
HATI JADI RINGAN.**

Tak ganggu coffee time pun.

Tunaikan Zakat, Bila-Bila Masa

Imbas Untuk Membuat Pembayaran

Zakat Melaka zakat.melaka